

## Terma dan Syarat Maybank2u Live Chat

(Tarikh Kuat Kuasa: 25<sup>hb</sup> Mac 2019)

Terma dan syarat ini akan mengelola penggunaan anda bagi perkhidmatan Maybank2u Live Chat yang disediakan oleh Malayan Banking Berhad (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Bank"). Dengan mengakses Perkhidmatan Maybank2u Live Chat ("Perkhidmatan"), anda dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh terma dan syarat yang berikut:

1. Perkhidmatan ini disediakan untuk pemegang akaun individu atau akaun bersama Bank berumur di atas 18 tahun yang memegang akaun sedia ada yang boleh dikendalikan oleh satu atau lebih penandatangan. Sekiranya akaun tersebut merupakan akaun bersama atau akaun dengan lebih daripada 1 penandatangan, anda dianggap telah mendapat kebenaran pemegang akaun bersama/penandatangan bersama anda dan apa-apa arahan daripada anda akan dianggap sebagai arahan daripada semua pemegang akaun/penandatangan. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menzahirkan apa-apa maklumat berhubung akaun tersebut kepada anda.
2. Bank boleh atas budi bicara mutlaknya (tetapi tidak diwajibkan untuk) merekod perbualan anda dengan Bank. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian antara anda dan Bank, anda bersetuju kepada penggunaan rakaman dan transkrip tersebut termasuk penggunaannya sebagai bahan bukti oleh Bank dalam apa-apa prosiding undang-undang. Bank tidak diperlukan atau diwajibkan untuk menyimpan rakaman atau transkrip tersebut.
3. Anda dengan ini bersetuju bahawa rekod Bank akan menjadi bahan bukti kukuh dalam urusan anda dengan Bank berhubung dengan Maybank2u Live Chat. Anda dengan ini bersetuju untuk tidak membantah kepada kemasukan rekod Bank sebagai bahan bukti dalam mana-mana prosiding undang-undang atas dasar rekod tersebut bukanlah asli, bukan secara bertulis atau dokumen yang dijanakan oleh komputer.
4. Bank tidak membuat waranti bahawa Perkhidmatan akan disediakan atau tidak terganggu dalam masa yang ditentukan, bagaimanapun, sekiranya terjadi apa-apa kegagalan teknikal, Bank akan berikhtiar untuk memulihkan Perkhidmatan seberapa segera yang boleh dilaksanakan. Bank boleh pada bila-bila masa, atas budi bicaranya, dengan atau tanpa notis menggantung atau menamatkan Perkhidmatan atas apa-apa jua sebab.
5. Anda mengakui bahawa Bank akan berhak untuk mengambil atau mengenakan caj perkhidmatan atau fi transaksi dan/atau mengubah fi tersebut dari masa ke masa berhubung Perkhidmatan yang diberikan kepada anda. Anda dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun anda dengan fi, komisen dan caj tersebut yang perlu anda bayar.
6. Bank berhak mengubah terma dan syarat yang ditetapkan dalam dokumen ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya.
7. Perkhidmatan adalah platform bicara khidmat bantuan dalam talian untuk pengguna berdaftar Maybank2u.
8. Waktu operasi Perkhidmatan adalah dari 9:00 am sehingga 6:00 pm, Isnin hingga Jumaat (tidak termasuk Cuti Umum).
9. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, perbelanjaan, liabiliti atau tuntutan walau apa-apa pun keadaan dan cara yang disebabkan oleh mana-mana orang, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
  - a. Apa-apa kerugian atau penggunaan tanpa kebenaran Perkhidmatan tersebut;
  - b. Apa-apa kelewatan atau keengganan untuk melaksanakan arahan anda;

- c. Apa-apa keralatan dalam penghantaran arahan anda melalui platform bicara;
  - d. Apa-apa kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian keuntungan atau kontrak sama ada yang dapat dilihat boleh berlaku oleh Bank) secara langsung, tidak langsung atau akibat berkaitan yang timbul daripada atau berkait dengan penggunaan Perkhidmatan tersebut.
10. Anda boleh secara lisan mengarah Bank, pada bila-bila masa, untuk menamatkan penggunaan anda bagi Perkhidmatan tersebut, yang akan berkuat kuasa dengan serta-merta selepas menerima arahan penamatan anda oleh Bank.
  11. Bank boleh dalam budi bicara mutlaknya secara serta-merta menamatkan penggunaan anda akan Perkhidmatan tersebut pada bila-bila masa tanpa apa-apa sebab untuknya. Kewajipan anda untuk membayar semua kos, caj, perbelanjaan, dan jumlah terkumpul sehingga tarikh penamatan tidak akan terjejas akibat penamatan tersebut.
  12. Sebagai tambahan kepada terma dan syarat yang dinyatakan di atas, undang-undang, peraturan dan terma dan syarat Bank sedia ada yang mentadbir sesuatu produk/perkhidmatan akan terpakai juga dan mengikat anda kecuali terdapat hal pertikaian dengan terma dan syarat ini, maka perkara yang terdahulu akan terpakai.
  13. Bank boleh dari masa ke masa memperkenalkan perkhidmatan baharu, tambahan dan ditingkatkan. Dengan menggunakan perkhidmatan baharu, tambahan atau ditingkatkan tersebut pada dan bila perkhidmatan disediakan, anda akan terikat dengan terma dan syarat dan mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa yang mentadbir setiap perkhidmatan tersebut selepas itu.
  14. Apa-apa notis dan komunikasi lain daripada anda kepada Bank hendaklah dihantar melalui komunikasi pos atau melalui telefon.
  15. Terma dan Syarat hendaklah dikelola oleh dan ditafsir menurut semua Undang-undang Malaysia.